

**Nazir Razak guna Instagram sokong 'ikon kewangan global' Zeti**  
**The Malaysian Insider**  
**August 5, 2015**

Datuk Seri Nazir Razak terus menggunakan laman Instagram beliau, kali ini bagi memuat naik gambarnya bersama Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dan Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa Christine Lagarde.

Tertera pada gambar, kapsyen "Kenangan saya bersama 2 ikon kewangan global".

Gambar yang diletakkan dalam Instagram Nazir, adik perdana menteri yang juga pengerusi CIMB Group itu, menerima lebih 600 Likes.

Zeti antara individu di peringkat tertinggi yang menganggotai pasukan petugas khas menyiasat skandal syarikat sarat hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan dakwaan The Wall Street Journal (WSJ) mengenai RM2.67 bilion dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Namun dua hari lalu, Zeti menjadi perhatian umum apabila Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar dilaporkan berkata, polis akan menyoal siasat lebih ramai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), BNM dan Jabatan Peguam Negara bagi memberi keterangan dalam siasatan maklumat bocor 1MDB.

Khalid tidak menolak kemungkinan memanggil Zeti dan orang nombor dua SPRM, Datuk Seri Mohd Shukri Abdull.

BNM sebelum ini menafikan dakwaan membocorkan maklumat transaksi tersebut.

Blogger pro Umno sebelum ini turut menamakan Zeti dan Shukri sebagai individu yang berpotensi terlibat dalam konspirasi menggulingkan kepimpinan perdana menteri dalam kerajaan.

Kes tersebut disiasat polis mengikut Seksyen 124 Kanun Keseksan berikutan dakwaan terdapat elemen cuba menjatuhkan kerajaan secara tidak demokratik oleh pihak tertentu. – 5 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nazir-razak-guna-instagram-sokong-ikon-kewangan-global-zeti>